

PRINSIP KEADILAN SEBAGAI ASAS KONTRAK DALAM MUAMALAT ISLAM: ANALISIS TEORI, FIQH DAN IMPLIKASI KONTEMPORARI

THE PRINCIPLE OF JUSTICE AS A FOUNDATION OF CONTRACT IN ISLAMIC COMMERCIAL TRANSACTIONS: A THEORETICAL, JURISPRUDENTIAL AND CONTEMPORARY IMPLICATIONS ANALYSIS

Ilyas Helmi Mohd Yusof¹
Mohd Miqdad Aswad Ahmad*²

¹ Centre for Islamic Finance Education and Research (UniSHAMS-CIFER), Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS), Kuala Ketil, 09300, Kedah, Malaysia.

(E-mail: ilyashelmi.my@fgvholdings.com)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia (E-mail: miqdad@uitm.edu.my)

*Corresponding author: Author A email address

Article history

Received date : 31-8-2025

Revised date : 1-9-2025

Accepted date : 21-1-2026

Published date : 28-1-2026

To cite this document:

Mohd Yusof, I. H., & Ahmad, M. M. A. (2026). Prinsip keadilan sebagai asas kontrak dalam muamalat Islam: Analisis teori, fiqh dan implikasi kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 364 – 379.

Abstrak: Keadilan merupakan prinsip asas dalam setiap kontrak muamalat Islam dan menjadi pembeza utama berbanding sistem kontrak konvensional yang sering berorientasikan keuntungan. Artikel ini meneliti konsep keadilan sebagai pilar kontrak dalam Islam dengan menekankan aspek teori, dalil al-Qur'an dan hadis, serta aplikasi dalam fiqh muamalat dan kewangan Islam kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan terhadap sumber utama syariah serta karya fiqh klasik dan moden. Hasil analisis mendapati bahawa keadilan menurut perspektif Islam ditakrifkan sebagai wad' al-shay' fi mahallih (meletakkan sesuatu pada tempatnya), bukan semata-mata persamaan matematik. Konsep ini diaplikasikan melalui penetapan rukun dan syarat akad, larangan gharar, maisir dan monopoli, serta perlindungan hak kedua-dua pihak dalam kontrak. Dapatan juga menunjukkan bahawa prinsip keadilan terzahir dalam instrumen perbankan Islam seperti mudharabah, istisna' dan wadiah, khususnya dalam pembahagian risiko dan keuntungan. Selain itu, kajian mendapati terdapat cabaran dalam memastikan keadilan diaplikasikan secara konsisten dalam amalan perbankan Islam kontemporari, termasuk isu kadar keuntungan, kontrak bay' al-'inah dan tawarruq. Analisis ini menegaskan bahawa prinsip keadilan perlu diintegrasikan dengan kerangka Maqasid al-Shariah untuk memastikan kontrak muamalat Islam bukan sahaja sah secara hukum, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen keadilan sosial dan ekonomi. Artikel ini menyimpulkan bahawa keadilan bukan sahaja asas kontrak tetapi juga teras kepada kelangsungan sistem kewangan Islam yang holistik. Penemuan ini memberikan sumbangan penting kepada kajian fiqh muamalat dan membuka ruang untuk

perbincangan lanjut mengenai mekanisme audit keadilan kontrak dalam industri kewangan Islam.

Kata Kunci: *Keadilan, Kontrak Muamalat, Fiqh Islam, Maqasid al-Shariah, Perbankan Islam*

Abstract: *Justice is a foundational principle in every Islamic commercial contract, distinguishing it from conventional systems that are often profit-oriented. This article explores the concept of justice as a pillar of Islamic contractual ethics, emphasizing its theoretical underpinnings, evidence from the Qur'an and Hadith, and its application in classical and contemporary Islamic jurisprudence and finance. Employing a qualitative methodology, the study conducts a literature-based analysis of primary Shariah sources alongside classical and modern fiqh scholarship. The findings reveal that justice in Islam is defined as wad' al-shay' fi mahallihi (placing things in their rightful place), rather than mere mathematical equality. This concept is operationalized through the establishment of contract pillars and conditions, the prohibition of gharar (uncertainty), maisir (gambling), and monopolistic practices, as well as the protection of both parties' rights. The study also finds that the principle of justice is reflected in Islamic banking instruments such as mudharabah, istisna', and wadiah, particularly in the equitable distribution of risk and profit. However, challenges remain in consistently applying justice within contemporary Islamic banking practices, including issues related to profit rates, bay' al-'inah, and tawarruq contracts. The analysis underscores the necessity of integrating the principle of justice with the framework of Maqasid al-Shariah to ensure that Islamic contracts are not only legally valid but also serve as instruments of social and economic justice. The article concludes that justice is not merely a contractual foundation but also the core of a holistic Islamic financial system. These findings contribute significantly to the study of fiqh al-muamalat and open avenues for further discussion on justice auditing mechanisms in the Islamic finance industry.*

Keywords: *Justice, Islamic Commercial Contracts, Islamic Jurisprudence, Maqasid al-Shariah, Islamic Banking*

Pendahuluan

Keadilan merupakan prinsip asas yang mendasari seluruh sistem muamalat Islam yang mempunyai hubungan yang jelas berdasarkan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Dalam konteks kontrak jual beli (*al-bay'*), keadilan dapat difahami sebagai meletakkan sesuatu pada tempatnya (*wad' al-shay' fi mahallihi*) serta memastikan hak dan kewajiban kedua-dua pihak dipelihara secara seimbang (al-Ghazali, 1993). Hal ini jelas berpandukan firman Allah SWT yang berkaitan dengan sukatan dan timbangan yang terkait rapat dengan kewajiban dan penekanan mengenai keadilan:

“Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil; Kami tidak memberati seseorang melainkan menurut kesanggupannya”

(Surah al-An'am, ayat: 152).

Ayat ini menegaskan bahawa unsur keadilan harus dipatuhi dalam setiap akad, termasuk memastikan sukatan, timbangan, harga dan barang berada dalam keadaan yang jelas serta tidak menzalimi mana-mana pihak (Ibn Kathir, 1999).

Dalam urusan kontrak jual beli, syariat Islam telah menetapkan beberapa rukun dan syarat yang menjadi instrumen keadilan, yaitu pihak yang berakad (*aqidan*), lafaz ijab dan qabul (*sighah*), objek akad (*mahal al-'aqd*), serta harga (*thaman*). Setiap faktor dan elemen ini berfungsi untuk menjaga kejelasan, mengelakkan penipuan, dan melindungi kepentingan kedua-dua pihak iaitu pembeli serta penjual (al-Shatibi, 1997). Sebagai contoh, larangan gharar (ketidakpastian) dan riba merupakan langkah tegas bagi memastikan keadilan kontrak terjamin. Nabi SAW bersabda:

“Rasulullah SAW melarang jual beli yang mengandungi gharar.”
(*Sahih Muslim, Kitab al-Buyu'*, no. hadis 1513).

Hadis ini menunjukkan bahawa ketidakjelasan dalam dua unsur utamaa jual beli seperti barang atau harga boleh membawa kepada penindasan, maka dilarang dalam Islam bagi memastikan transaksi berjalan dengan adil (al-Nawawi, 2000). Prinsip keadilan juga meliputi larangan monopoli (*ihthakar*), penipuan (*tadlis*), serta larangan menjual di atas jualan orang lain. Semua larangan ini menegaskan bahawa kontrak jual beli bukan sekadar transaksi ekonomi, tetapi suatu mekanisme sosial yang berfungsi melindungi pihak yang lemah dan mewujudkan keseimbangan pasaran (Kamali, 2008).

Dalam konteks kontemporari, konsep keadilan dalam jual beli diaplikasikan melalui piawaian syariah dalam produk kewangan Islam. Kontrak-kontrak seperti murabahah dan istisna' menekankan keterbukaan harga, spesifikasi barang yang jelas, serta perkongsian risiko antara pihak, yang selari dengan prinsip keadilan syariah (Dusuki & Abozaid, 2007).

Dalam bahasa Arab keadilan disebut sebagai *al-'Adalah*. Istilah adil berasal daripada Bahasa Arab yang bererti tengah atau seimbang. Prinsip keadilan merupakan pilar penting dalam transaksi Ekonomi dan Kewangan Islam. Memetik definisi keadilan seperti yang diberikan oleh Ibn 'Ashur, beliau menjelaskan bahawa keadilan merujuk kepada satu kondisi yang harmoni di mana setiap sesuatu itu terletak di tempatnya yang betul dan sesuai. Maka, keadilan itu ialah terletaknya sesuatu pada tempatnya yang sesuai dan ia berfungsi mengikut aturan yang sepatutnya. (Zeenath Kausar (ed), *Contemporary Islamic Political Thought*, (Kuala Lumpur: Research Centre, IIUM, 2005),

Mengakkan keadilan telah ditekankan oleh al-Quran sebagai misi utama para Nabi yang diutus Allah SWT seperti firmanNya:

“Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka Al Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah mengetahui siapa yang menolong (agama)Nya dan rasul-rasul-Nya padahal Allah tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa”

(Surah al-Hadid, ayat 25).

Berdasarkan ayat ini mengenai neraca atau mizan merujuk kepada keadilan. Sebagaimana Ibn Kathir (1999) menyatakan neraca ini adalah satu prinsip yang wajib diakui oleh akal yang sihat dan berlawanan dengan kehendak hawa nafsu serta pendapat yang menyimpang dan bertentangan dengan kehendak akal yang menyanjung tinggi keadilan. Tujuan utama adalah

agar manusia menegakkan keadilan, yaitu dengan mengikuti kebenaran yang dibawa oleh para rasul dan tunduk kepada hukum Allah SWT.

Konsep keadilan dalam Islam mempunyai makna yang luas dan mendalam. Ia mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuklah dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam. Antara pecahan kaedah fiqh yang berkaitan dengan akad atau kontrak ialah:

الأصل في العقود جميعها العدل

“Asas yang diperlukan di dalam setiap kontrak adalah keadilan”

Kaedah fiqh ini sangat penting bagi memastikan keadilan kepada semua pihak yang terikat di dalam sebarang perjanjian atau kontrak. Kaedah ini bertujuan agar tidak berlaku kezaliman dan penindasan kepada mana-mana pihak yang melaksanakan transaksi muamalat tersebut.

Ibn al-Qayyim (1991) menegaskan bahawa syariah Islam pada hakikatnya berteraskan prinsip keadilan, rahmat, masalah dan hikmah. Setiap hukum yang diturunkan oleh Allah SWT bertujuan membawa manfaat kepada hamba-hamba-Nya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Justeru, sebarang perkara yang menyalahi prinsip-prinsip tersebut tidak termasuk dalam kerangka syariah yang sebenar. Hal ini ditegaskan dalam karya beliau *I'lam al-Muwaqqi'in*, yang dinyatakan bahawa syariah Islam seluruhnya adalah keadilan, rahmat, masalah dan hikmah yang tidak boleh dipisahkan daripada hukum-hukum yang ditetapkan.

Pandangan Ibn al-Qayyim ini selari dengan gagasan al-Shatibi dalam al-Muwafaqat, yang menekankan bahawa maqasid al-shariah bertujuan menjaga masalah dan menolak mafsadah. Beliau menegaskan bahawa semua hukum syariah mempunyai hikmah tersendiri yang berorientasikan kepada pencapaian kebaikan dan penolakan keburukan. Oleh yang demikian, asas kepada maqasid ialah prinsip keadilan yang mesti diterapkan dalam setiap muamalat, termasuk kontrak, transaksi kewangan, dan hubungan sosial (al-Shatibi, 1997). Seiring dengan itu, al-Ghazali pula menekankan bahawa akad-akad dalam Islam dibina bukan sahaja untuk mengesahkan hubungan kontraktual. Ia juga bagi memastikan tercapainya manfaat yang adil kepada semua pihak yang terlibat. Beliau menjelaskan bahawa prinsip keadilan dalam akad berkait rapat dengan maqasid menjaga harta (*hifz al-mal*), iaitu salah satu daripada objektif utama syariah. Setiap akad yang dilakukan hendaklah bebas daripada penindasan, penipuan, atau ketidakadilan, dan sebaliknya ia berfungsi untuk memastikan keseimbangan hak dan kewajiban kedua-dua belah pihak (al-Ghazali, 1993).

Di dalam al-Quran, berkali-kali Allah SWT menegaskan agar kita berlaku adil dan mengelakkan kezaliman. Sebagai contohnya dapat dilihat di dalam kisah Nabi Syuaib dan kaumnya. Firman Allah SWT:

“Dan Syu'aib berkata: “Hai kaumku, cukupkanlah takaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahatan di muka bumi dengan membuat kerosakan”

(Surah Hud, ayat 85).

Allah SWT telah mengutus para rasul dan menurunkan kitab-kitab untuk menegakkan keadilan dan melarang daripada melakukan kezaliman, sedikit atau banyak, dan memperingatkan terhadapnya. Keadilan mesti dipatuhi dalam setiap kontrak, dan apa yang tersirat oleh ketidakadilan dinilai sebagai dilarang, dan apa yang tidak berkaitan dengannya adalah

dibenarkan, dan jika ia berlaku dalam beberapa kontrak, adakah mereka adil atau tidak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keadilan dalam jual beli menurut Islam bukan hanya bersifat hukum kontrak, tetapi mencakupi dimensi moral, sosial dan ekonomi yang memastikan setiap pihak mendapat haknya secara seimbang, selaras dengan maqasid al-shariah.

Sorotan Literatur

Prinsip keadilan merupakan akar utama dalam pembangunan undang-undang komersial Islam dan kontrak muamalat. Kajian terkini menekankan bahawa syariah bukan hanya kerangka hukum tetapi sebuah sistem keadilan yang menyeluruh. Misalnya, kajian terkini dalam Ali Rod Khadem (2025) menegaskan bahawa kewangan Islam perlu bergerak daripada sekadar pematuhan bentuk kontrak kepada pematuhan prinsip etika yang menekankan keadilan distributif dan prosedural. Artikel ini mengkritik kecenderungan “*form over substance*” yang banyak berlaku dalam kontrak perbankan Islam serta mencadangkan piawaian undang-undang yang lebih jelas bagi mengekalkan roh keadilan dalam transaksi.

Sejajar dengan itu, wacana *ijtihad maqasidi* menjadi semakin penting dalam menghubungkan teori fiqh dengan realiti semasa. Satu kertas kerja terkini, menekankan bahawa ijtihad yang berorientasikan maqasid boleh digunakan untuk menilai kontrak moden agar selari dengan nilai masalah, keadilan dan hikmah. Kajian tersebut mendapati bahawa tanpa pendekatan maqasidi, banyak kontrak muamalat kontemporari hanya berfungsi pada tahap teknikal semata-mata tanpa memberi keadilan yang sepatutnya kepada masyarakat (Ahmad Budiman, 2024).

Dari perspektif usul fiqh pula, kajian terbaru oleh *Safaruddin Harefa* (2025) menekankan bahawa nilai-nilai maqasid seperti keadilan, ketelusan, dan kemaslahatan umum perlu diterjemahkan dalam perkembangan dasar dan amalan muamalat kontemporari. Artikel ini menyoroti bagaimana keadilan dan ketelusan berperanan sebagai prinsip asas dalam memastikan kontrak moden bebas daripada dieksploitasi, khususnya dalam perbankan digital yang semakin berkembang.

Dalam isu kontrak khusus, inovasi *tawarruq* mendapat perhatian meluas kerana sering dipertikaikan dari segi keadilannya. Ulasan oleh Muhammad Abdullah Deway (2024) menilai bagaimana *tawarruq munazzam* digunakan secara meluas oleh bank Islam bagi memenuhi keperluan kecairan pelanggan. Walaupun ia memenuhi keperluan pasaran, risiko mengabaikan substansi keadilan amat besar kerana ia boleh menjurus kepada helah (*hilah*) yang menyerupai riba. Kajian ini jelas menekankan perlunya reka bentuk kontrak yang berasaskan maqasid agar unsur keadilan tidak diketepikan.

Sementara itu, kajian sistematik oleh Safagutan, Taufiq dan Darmawan (2025) meneliti permasalahan kontrak *murabahah* di perbankan Islam Indonesia. Kajian ini mengenal pasti beberapa isu utama seperti ketelusan harga, standardisasi dokumentasi, dan risiko ketidakpatuhan syariah. Analisis mereka menunjukkan bahawa kelemahan dalam pengurusan kontrak boleh menjejaskan prinsip keadilan kerana pelanggan mungkin menanggung kos yang tidak dimaklumkan secara jelas. Oleh itu, mereka mencadangkan penambahbaikan piawaian operasi yang lebih adil dan telus.

Isu ketidakpatuhan syariah (*Shariah Non-Compliance Risk*) turut memberi dimensi penting kepada konsep keadilan dalam kontrak muamalat. Kajian oleh Ridhwan dan Abdul Rahman (2025) mendapati bahawa risiko SNC sering berlaku dalam produk *tawarruq* dan *murabahah* akibat kelemahan tadbir urus dan dokumentasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa SNC bukan sahaja isu pematuhan hukum, tetapi juga isu keadilan kerana ia berpotensi menzalimi

pihak yang lebih lemah. Kajian ini mencadangkan audit keadilan selain audit syariah bagi mengukuhkan perlindungan terhadap semua pihak.

Selain itu, kajian empirikal oleh Abdullah et al. (2022) membangunkan *Maqasid Consumer Preference Index (MCPi)* untuk menilai kepuasan pengguna terhadap pembiayaan rumah Islam di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa skor keadilan masih sederhana, terutamanya dari aspek ketelusan harga dan fleksibiliti pembayaran. Penemuan ini memberi isyarat bahawa prinsip keadilan masih perlu diperkuatkan dalam amalan kontrak bagi meningkatkan keyakinan pengguna terhadap institusi perbankan Islam.

Kajian mendalam mengenai murabahah oleh al-Nuaimi, Alaryani dan Yaqubi (2024) pula menegaskan pentingnya pendedahan kos dan margin keuntungan secara telus untuk memastikan keadilan dalam kontrak. Mereka berhujah bahawa satu piawaian klausa kontrak diperlukan agar pelanggan tidak terdedah kepada asimetri maklumat. Dengan itu, murabahah boleh terus kekal sebagai instrumen yang sah dan adil tanpa menyerupai pinjaman konvensional.

Seterusnya kajian mengenai eksploratori oleh Nazri dan Shari (2025) mengenai *Shariah Non-Compliance Income (SNCI)* dalam tawarruq pembiayaan rumah di Malaysia turut menggariskan pentingnya prinsip keadilan dalam urutan kontrak. Kajian ini melaporkan bahagian ketidakpatuhan yang tinggi akibat kelemahan dalam dokumentasi dan pengurusan pemilikan aset. Dapatan ini menekankan bahawa keadilan prosedural adalah aspek kritikal dalam memastikan kontrak tawarruq sah dan menepati maqasid.

Akhir sekali, perspektif makroekonomi juga menunjukkan hubungan rapat antara kontrak adil dan pembangunan masyarakat. Kajian dalam *Economic Systems* (2024) menilai peranan moral ekonomi Islam dalam pembangunan dan mendapati bahawa sistem kewangan Islam yang berlandaskan keadilan mampu menyumbang kepada pengurangan ketidaksamaan pendapatan dan peningkatan indeks pembangunan manusia. Ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan dalam kontrak bukan sahaja memberi kesan mikro kepada pelanggan, tetapi juga kesan makro kepada pembangunan negara (Alija Avdukica & Mehmet Asutay, 2024).

Sorotan literatur di atas menunjukkan bahawa prinsip keadilan merupakan teras utama dalam kontrak muamalat Islam, sama ada dari sudut teori maqasid, kerangka usul fiqh, mahupun aplikasi praktikal dalam perbankan Islam kontemporari. Kajian-kajian mutakhir menegaskan bahawa syariah tidak boleh dilihat hanya pada bentuk kontrak, tetapi perlu dinilai dari segi bahan atau intipati dan kesannya terhadap pihak yang terlibat. Dalam konteks ini, pendekatan ijtihad maqasidi muncul sebagai mekanisme penting untuk memastikan bahawa kontrak moden mengekalkan nilai keadilan, maslahat dan rahmat sebagaimana yang ditekankan oleh al-Ghazali, al-Shatibi dan Ibn al-Qayyim.

Dari aspek praktikal, dapatan literatur juga menekankan isu-isu yang timbul dalam kontrak murabahah dan tawarruq, terutamanya berkaitan dengan ketelusan harga, pengurusan risiko syariah, dan potensi helah yang boleh mengabaikan keadilan. Kajian empirikal di Malaysia dan Indonesia mendapati bahawa ketidakpatuhan syariah (SNC) sering berpunca daripada kelemahan dokumentasi dan asimetri maklumat, yang akhirnya menjejaskan hak pelanggan dan melanggar prinsip asas al-'adl. Usulan penambahbaikan seperti audit keadilan, standardisasi klausa kontrak, serta mekanisme kawalan maqasid menjadi keperluan mendesak bagi mengembalikan keutuhan sistem kewangan Islam.

Selain itu, literatur kontemporari turut menekankan implikasi makro prinsip keadilan dalam muamalat. Kajian mengenai Maqasid Consumer Preference Index (MCPi) dan moral ekonomi Islam membuktikan bahawa kontrak yang adil bukan sahaja memberi manfaat mikro kepada individu, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial, pengurangan jurang pendapatan, dan pembangunan ekonomi berteraskan maqasid. Hal ini mengukuhkan hujah bahawa prinsip keadilan perlu menjadi piawaian penilaian utama dalam pembangunan dan inovasi produk perbankan Islam, agar ia benar-benar berfungsi sebagai alternatif kepada sistem konvensional dan bukan sekadar meniru strukturnya.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini memperlihatkan bahawa meskipun terdapat banyak pencapaian dalam usaha mengintegrasikan prinsip keadilan dalam muamalat, masih terdapat jurang yang perlu ditangani dan ditambah baik supaya roh keadilan dapat diterjemahkan dan memberi kesan baik kepada masyarakat. Roh keadilan wajib diberikan perhatian seperti dalam isu ketelusan dalam kontrak, pematuhan hak terhadap maqasid, serta tadbir urus syariah yang lebih menekankan aspek keadilan sosial. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk menilai bagaimana prinsip “الأصل في العقود جميعها العدل” boleh diterjemahkan secara lebih sistematik dalam kontrak perbankan Islam moden, sekali gus memastikan keberkesanan dan kesahihan syariahnya benar-benar tercapai.

Konsep dan Aplikasi

Takrif Kontrak (Akad)

Dalam kerangka bahasa Arab, istilah akad membawa pelbagai makna seperti janji, jaminan, kepercayaan, serta ikatan sama ada secara nyata (contohnya mengikat tali) atau simbolik (seperti ijab dan qabul dalam jual beli). Secara umum, apabila akad dilaksanakan melalui ijab dan qabul, ia dianggap sebagai perjanjian yang mengikat (mulzim) untuk dipenuhi. Hal ini berlandaskan firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah segala aqad (perjanjian) kamu”
(Surah al-Ma'idah, ayat, 1).

Ayat ini menjadi asas kepada keperluan memenuhi kontrak dalam Islam, dan para mufassir seperti Ibn Kathir (1999) menegaskan bahawa ia meliputi semua jenis perjanjian sama ada dengan Allah SWT (seperti nazar) mahupun sesama manusia (akad muamalat).

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mendefinisikan akad sebagai janji atau perjanjian, dan dalam penggunaannya sering disamakan dengan istilah kontrak. Menurut perspektif fiqh, akad ditakrifkan sebagai ikatan antara ijab dan qabul yang dibuat mengikut ketentuan syarak sehingga melahirkan kesan hukum terhadap objek akad tersebut (al-Zuhaily, 2002). Al-Sarakhsi, seorang ulama Hanafi, juga mendefinisikan akad sebagai “hubungan antara ijab dan qabul yang mengikat, mengubah pemilikan, atau menimbulkan kewajipan” (al-Sarakhsi, 1993).

Dari aspek perundangan pula, kontrak ditakrifkan sebagai perjanjian yang dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak, melibatkan balasan yang sah, serta mempunyai tujuan yang sah (Akta Kontrak 1950, s.10(1)). Peruntukan ini memperlihatkan kesepadanan antara undang-undang sivil Malaysia dengan prinsip asas kontrak Islam, iaitu kebebasan berkontrak (*hurriyat al-ta'qud*) selama mana ia tidak bercanggah dengan syarak.

Dalam fiqh muamalat, akad dikategorikan mengikut sifatnya daripada sudut syarak, antaranya sah (sahih), batil (batil), nafiz (nafiz), mauquf (mawquf), lazim (lazim) dan ja'iz (ja'iz) (Abdul Muhaimin Mahmood, 2021). Klasifikasi ini penting bagi menentukan kesahan, implikasi hukum, serta keberlakuan sesuatu kontrak dalam perbankan dan muamalat Islam kontemporari, misalnya kontrak murabahah, ijarah dan tawarruq.

Definisi Keadilan

Dari sudut bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mendefinisikan adil sebagai “meletakkan sesuatu pada tempatnya”. Dalam Ensiklopedi Hukum Islam pula, *al-‘adl* difahami sebagai sifat manusia yang menegakkan kebenaran terhadap sesiapa sahaja tanpa pengecualian, walaupun boleh membawa kerugian kepada dirinya sendiri (Dahlan, 1996). Ibn Qayyim menegakkan bahawa syariah itu seluruhnya adalah keadilan, rahmat, maslahat dan hikmah, dan sebarang hukum yang menyalahi prinsip ini bukanlah daripada syariah (Ibn Qayyim, 1991).

Dalam konteks muamalat, kontrak kewangan Islam memberi penekanan kepada prinsip keadilan dan perkongsian manfaat. Keadilan di sini bermaksud menunaikan hak semua pihak yang terlibat tanpa menzalimi atau menganaktirikan salah satu pihak. Ia selari dengan *maqasid al-shari‘ah* yang menekankan keseimbangan hak dan tanggungjawab, serta memastikan hasil transaksi memberi manfaat bersama kepada pelanggan dan institusi kewangan.

Menurut laporan Islamic Financial Services Industry Stability Report (IFSB, 2023), aset kewangan Islam global dianggarkan mencecah USD 4.5 trilion, dengan sektor perbankan Islam merangkumi 70% daripada jumlah tersebut. Di Malaysia, aset perbankan Islam pada tahun 2023 dilaporkan melebihi RM 1.2 trilion (Bank Negara Malaysia, 2023). Pertumbuhan pesat ini menunjukkan peranan besar kontrak berasaskan syariah dalam ekosistem ekonomi global, sekali gus menuntut penekanan serius terhadap prinsip keadilan bagi menjamin kelestarian industri.

Walau bagaimanapun, terdapat kritikan masyarakat terhadap perjalanan industri perbankan Islam yang didakwa “tidak adil” kerana mengenakan kadar keuntungan yang dikatakan lebih tinggi berbanding kadar faedah yang ditawarkan oleh bank konvensional. Dari sudut keadilan pasaran, dakwaan ini perlu dinilai dengan mengambil kira realiti industri. Perbankan Islam di Malaysia baru beroperasi sekitar dua dekad, sedangkan sistem perbankan konvensional telah berakar umbi jauh lebih lama. Justeru, kemampuan bank Islam menawarkan kadar keuntungan kompetitif adalah bergantung kepada faktor operasi, modal, dan kecekapan pasaran. Oleh itu, adalah tidak tepat untuk menilai keadilan perbankan Islam hanya dengan membandingkan kadar keuntungan dengan kadar faedah konvensional tanpa mempertimbangkan konteks sejarah dan struktur industri yang berbeza (Mohd Hafiz & Mohd Fadhli, 2011).

Secara keseluruhannya, keadilan dalam kontrak muamalat Islam menuntut agar akad dilaksanakan berasaskan prinsip keterbukaan, kejujuran, dan memenuhi hak semua pihak. Hal ini bukan sahaja menegakkan tuntutan syariah, bahkan memperkukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap kewangan Islam sebagai sistem alternatif, bahkan sebagai pilihan utama yang bukan sahaja sah dari segi hukum tetapi juga berteraskan maqasid syariah yang menjunjung nilai keadilan dan maslahat umum.

Dalil Kepentingan Keadilan

Islam meletakkan prinsip keadilan pada kedudukan yang amat tinggi dalam kehidupan, khususnya dalam urusan muamalat. Keadilan ditegaskan dalam banyak ayat al-Quran dan hadis

Nabi Muhammad SAW, menjadikannya asas penting dalam pengurusan hubungan sesama manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah ayat 8:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi penegak keadilan kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap suatu kaum mendorong kamu berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan (Surah al-Ma'idah, ayat 8).

Ayat ini memerintahkan umat Islam supaya bersungguh-sungguh menegakkan keadilan. Lafaz *qawwamin* berbentuk ism mubalaghah yang memberi maksud "sangat menegakkan keadilan", menunjukkan bahawa keadilan bukan sekadar pilihan, tetapi satu tuntutan syarak yang perlu dipertahankan secara konsisten (al-Tabari, 2001). Dalam ayat lain, Allah SWT menegaskan bahawa berlaku adil adalah kewajipan seorang mukmin sebagaimana firman-Nya:

Maka kerana itu serulah (kepada agama ini), dan tetaplah sebagaimana diperintahkan kepadamu, dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka, dan katakanlah: Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah, dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu

(Surah al-Shura, ayat 15).

Ayat ini jelas menegaskan bahawa keadilan merupakan perintah syarak yang berkaitan langsung dengan tugas kenabian, iaitu menegakkan hukum Allah di kalangan manusia tanpa dipengaruhi hawa nafsu atau kepentingan peribadi (al-Qurtubi, 2006).

Dalam pada masa yang sama, hadis Nabi Muhammad SAW juga memperkukuh keutamaan keadilan dalam muamalat. Diriwayatkan daripada Rifa'ah bin Rafi' RA, beliau berkata bahawa Nabi SAW pernah ditanya:

Apakah pekerjaan yang paling baik?, Baginda menjawab: "Pekerjaan seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang baik (mabrur)

(Riwayat al-Bazzar, no hadis 183, disahihkan oleh al-Hakim, no. 10, 1990).

Maksud jual beli yang *mabrur* di sini ialah jual beli yang bebas daripada penipuan, manipulasi atau pengkhianatan, serta menegakkan prinsip keadilan dalam setiap transaksi (Mahrus, 2013). Hadis ini jelas menunjukkan bahawa keadilan dalam kontrak jual beli adalah syarat penting yang membezakan antara muamalat yang sah dengan yang batil.

Berdasarkan dalil al-Quran dan hadis, jelas bahawa Islam meletakkan prinsip keadilan sebagai asas utama dalam muamalat. Segala bentuk penindasan, eksploitasi, dan penyelewengan dilarang keras kerana bercanggah dengan maqasid syariah yang bertujuan menjaga hak-hak manusia. Dalam konteks ekonomi, Islam menyediakan garis panduan khusus untuk memastikan semua bentuk akad dan kontrak dilaksanakan berasaskan keadilan, sehingga tiada pihak yang dizalimi atau dianiaya dalam transaksi.

Aplikasi Prinsip Keadilan Di Dalam Fiqh Muamalat

Prinsip keadilan dalam fiqh muamalat dapat dilihat melalui penetapan rukun dan syarat jual beli dalam Islam. Ia berfungsi memastikan transaksi dijalankan dengan penuh kerelaan, kejelasan, serta tanpa penindasan kepada mana-mana pihak (al-Zuhayli, 2002).

Rukun Pertama: Kedua-dua pihak yang berakad perlu memenuhi syarat berikut:

- i. Waras iaitu baligh dan berakal serta boleh menguruskan harta dengan baik.
- ii. Bebas membuat pilihan ketika membuat kontrak dan saling reda meredhai.
- iii. Penjual dan pembeli adalah individu berlainan.
- iv. Boleh melihat bagi memastikan tiada penipuan, serta memerlukan wakil jika tidak mampu melihat (buta) (Ibn Qudamah, 1997).

Rukun Kedua: Sighah (ucapan ketika mengikat kontrak). Sighah ini merangkumi penawaran (ijab) oleh penjual dan persetujuan (qabul) oleh pembeli. Syarat sighah adalah seperti berikut:

- i. Tidak wujud tempoh yang lama antara penawaran (ijab) dan persetujuan (qabul) yang boleh menggambarkan pada adatnya penawaran tersebut tidak diterima.
- ii. Perlu wujud persamaan antara persetujuan oleh pembeli dan penawaran oleh penjual dalam semua sudut.
- iii. Kesahihan jual beli tersebut tidak boleh dikaitkan dengan sebarang syarat atau dihadkan untuk tempoh tertentu (al-Nawawi, 1991).

Rukun Ketiga: Barang jualan dan harganya. Antara syaratnya ialah:

- i. Barangan jualan hendaklah wujud ketika kontrak jual beli dimeterai.
- ii. Barangan yang dijual mestilah dalam bentuk harta yang bernilai menurut syarak.
- iii. Barangan mestilah bermanfaat menurut syarak dan 'urf (kebiasaan masyarakat).
- iv. Barangan tersebut hendaklah boleh diserahkan daripada segi fizikal dan syarak.
- v. Pihak yang berkontrak mestilah orang yang mempunyai kuasa ke atas barangan sama ada kuasa sebagai seorang penjaga atau pemilik.
- vi. Barangan tersebut mestilah dalam pengetahuan kedua-dua belah pihak (al-Kasani, 1986).

Selain rukun, konsep khiyar turut menjadi mekanisme penting dalam menjamin keadilan kepada kedua-dua pihak. Terdapat tiga bentuk khiyar: Khiyar Majlis, iaitu kedua pihak berhak menarik balik kontrak jual beli walaupun telah dipersetujui, dengan syarat ia dilakukan dalam majlis yang sama sebelum berpisah; Khiyar Syarat, iaitu apabila salah satu pihak menetapkan syarat mempunyai hak untuk membatalkan kontrak dalam tempoh tertentu yang dibenarkan syarak; dan Khiyar Aib, iaitu pilihan diberikan kepada pembeli sama ada menerima kecacatan pada barang yang dibeli atau memulangkan semula barang tersebut dengan bayaran dikembalikan (al-Zuhayli, 2002; Ibn Qudamah, 1997).

Prinsip ini turut menegah sebarang bentuk ketidakpastian (gharar), perjudian (maisir), penipuan, monopoli (ihtikar), serta larangan jualan atas jualan yang boleh membawa kepada kezaliman (Kamali, 2000). Dalam konteks kontemporari, prinsip-prinsip ini menjadi asas kepada perbankan Islam moden yang memastikan kontrak-kontrak kewangan seperti murabahah dan tawarruq berjalan dengan adil tanpa menzalimi mana-mana pihak (Usmani, 2002).

Larangan dalam Jual Beli sebagai Bentuk Menegakkan Keadilan

a. Larangan Gharar (Ketidakpastian berlebihan)

Transaksi yang mengandungi gharar seperti menjual susu dalam kantung yang belum diperah, bulu haiwan yang belum dipotong, atau buah yang belum masak, adalah tidak sah kerana berisiko dan boleh merugikan pihak pembeli (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Buyu', no. 1513).

b. Larangan Maisir (Perjudian)

Rasulullah SAW melarang jual beli berbentuk mulāmasah (membeli hanya dengan sentuhan) dan munābazah (melempar pakaian tanpa penilaian), kerana ia bergantung kepada nasib, bukan keredhaan dan pertimbangan adil (Sahih al-Bukhari, no. 2145; Muslim, no. 1511).

c. Larangan Ihtikar (Monopoli)

Islam mengharamkan monopoli barangan keperluan bagi tujuan menaikkan harga kerana ia menzalimi masyarakat. Nabi SAW bersabda: “Tidak melakukan ihtikar melainkan orang yang berdosa” (Sahih Muslim, no. 1605).

d. Larangan Jualan atas Jualan & Tawaran atas Tawaran

Rasulullah SAW melarang seseorang menjual di atas jualan saudaranya kerana ia menimbulkan ketidakadilan dan permusuhan (al-Bukhari, no. 2139; Muslim, no. 1413).

e. Konsep al-Iqalah (Pembatalan Kontrak secara Redha)

Syariah membenarkan pembatalan kontrak atas persetujuan bersama (al-Iqālah), sebagai jalan keluar sekiranya berlaku kesilapan atau keadaan yang boleh merugikan. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesiapa yang menerima permintaan pembatalan jual beli seorang Muslim, maka Allah akan membatalkan kesalahannya pada hari kiamat”

(Musnad Ahmad, no. 7431; Ibn Hibban, no. 5030).

Mekanisme ini menjadi bukti bahawa prinsip keadilan dalam Islam bukan sahaja melindungi hak semasa akad dimeterai, tetapi juga selepas kontrak berjalan dan mekanisme ini menjadi bukti bahawa prinsip keadilan dalam Islam bukan sahaja melindungi hak semasa akad dimeterai, tetapi juga selepas kontrak berjalan. Secara keseluruhannya prinsip di atas menunjukkan bahawa keadilan dalam fiqh muamalat ditegakkan melalui rukun, syarat, mekanisme khiyar, serta larangan terhadap elemen-elemen yang boleh menzalimi pihak berkontrak. Dengan itu, Islam memastikan akad jual beli terlaksana secara telus, menguntungkan semua pihak, serta bebas daripada unsur penindasan, penipuan, dan eksploitasi.

Prinsip Keadilan di dalam Perbankan Islam

Prinsip keadilan dalam perbankan Islam bukan sahaja merangkumi larangan terhadap riba, gharar, dan maisir, tetapi juga menuntut keseimbangan hak dan tanggungjawab antara pihak yang berkontrak. Konsep ini selaras dengan maqasid al-shari‘ah yang menekankan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) serta mengelakkan penindasan (*zulm*). Dalam praktiknya, keadilan tersebut dapat dilihat melalui beberapa kontrak utama yang diamalkan oleh institusi perbankan Islam kontemporari.

i. Kontrak Mudharabah (Perkongsian Modal dan Usaha)

Mudharabah adalah kontrak perkongsian antara pemilik modal (*Rabb al-Mal*) dan pengusaha (*Mudharib*). Pemodal menyediakan dana, manakala pengusaha menjalankan aktiviti perniagaan. Keuntungan diagihkan mengikut nisbah yang dipersetujui seperti 50:50, 60:40 atau 70:30, manakala kerugian ditanggung sepenuhnya oleh pemodal, kecuali jika berlaku kecuaihan atau salah laku daripada pihak pengusaha (al-Zuhaili, 2002).

Dari sudut keadilan, akad mudharabah menegakkan prinsip perkongsian risiko dan pulangan. Pemodal tidak dibenarkan menuntut keuntungan tetap kerana ia boleh menjurus kepada eksploitasi, manakala pengusaha diberi insentif yang adil untuk menguruskan usaha berdasarkan prestasi sebenar. Ini berbeza dengan sistem kewangan konvensional yang lazimnya menuntut faedah tetap tanpa mengambil kira untung rugi projek. Oleh itu, akad mudharabah mencerminkan keseimbangan yang adil bagi kedua-dua pihak (Chapra, 2016).

ii. Kontrak Istisna' (Tempahan dan Pembinaan Aset)

Istisna' ialah kontrak jual beli berdasarkan tempahan di mana pengeluar bersetuju menghasilkan barang atau projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan pembeli, dengan bayaran dilakukan sama ada secara ansuran, penuh, atau selepas siap (Usmani, 2002). Konsep ini banyak digunakan dalam pembiayaan projek seperti pembinaan rumah, bangunan komersial, atau pembuatan aset industri seperti kapal terbang dan mesin.

Dari perspektif keadilan, istisna' menekankan kejelasan (*bayan*) dalam spesifikasi, kos, dan jadual pembayaran bagi mengelakkan pertikaian selepas akad dimeterai. Kedua-dua pihak dilindungi melalui kontrak yang jelas: pembeli mendapat jaminan bahawa projek siap mengikut piawaian, manakala pengeluar pula mendapat kepastian pembayaran. Prinsip ini sejajar dengan kaedah fiqh iaitu *al-ghurmu bi al-ghunmi* (risiko seiring dengan keuntungan), yang memastikan tiada pihak dieksploitasi (Dusuki & Abdullah, 2011).

iii. Kontrak Wadi'ah (Simpanan Amanah)

Wadi'ah adalah kontrak yang membolehkan seseorang mengamanahkan asetnya kepada pihak lain untuk disimpan dengan selamat. Dalam konteks perbankan Islam, ia digunakan dalam akaun simpanan dan semasa di mana pelanggan menandatangani wang kepada bank sebagai pemegang amanah. Pada asasnya, wang itu perlu dijamin keselamatannya, manakala keuntungan daripada penggunaannya oleh bank tidak wajib dikongsi. Walau bagaimanapun, bank boleh memberikan hibah (hadiah) atas budi bicara (al-Kasani, 2000).

Prinsip keadilan dalam wadi'ah terletak pada jaminan keselamatan dana. Pelanggan dijamin bahawa jumlah simpanannya tidak akan berkurang, walaupun bank mengalami kerugian dalam operasinya. Sebaliknya, apabila bank menjana keuntungan daripada penggunaan deposit, mereka boleh memberi hibah kepada pelanggan sebagai tanda penghargaan. Mekanisme ini menegakkan keadilan dengan mengelakkan kerugian tidak adil kepada pendeposit, serta memberi ruang kepada bank beroperasi secara mapan.

Ketiga-tiga kontrak di atas menunjukkan bahawa prinsip keadilan menjadi asas penting dalam perbankan Islam. Dalam mudharabah, keadilan dicapai melalui perkongsian risiko dan keuntungan yang seimbang; dalam istisna', ia dijamin melalui kejelasan kontrak dan kesepakatan spesifikasi. Manakala dalam wadi'ah, ia ditunjukkan melalui jaminan simpanan pelanggan. Perbezaan asas dengan sistem konvensional ialah perbankan Islam tidak membenarkan keuntungan tetap tanpa perkongsian risiko, sekaligus menegakkan keadilan ekonomi yang menyeluruh. Hal ini membuktikan bahawa prinsip keadilan bukan sekadar teori dalam fiqh, tetapi diaplikasikan secara praktikal dalam operasi perbankan Islam moden.

Kesimpulan

Prinsip keadilan merupakan teras utama dalam sistem muamalat Islam, termasuk dalam pelaksanaan kontrak perbankan Islam moden. Melalui analisis terhadap kontrak Mudharabah, Istisna', dan Wadi'ah, jelas bahawa keadilan tidak hanya bersifat teori, tetapi diaplikasikan

secara praktikal dalam operasi kewangan Islam. Mudharabah menegakkan keadilan melalui pengagihan keuntungan dan risiko secara seimbang. Istisna' memastikan keadilan dengan menekankan kejelasan spesifikasi, syarat pembayaran, dan hak kedua-dua pihak; manakala Wadi'ah menjamin hak penyimpan melalui perlindungan penuh terhadap dana yang diamanahkan. Selain itu, prinsip keadilan ini membezakan perbankan Islam daripada sistem konvensional yang berasaskan riba dan keuntungan tetap tanpa perkongsian risiko. Asasnya ialah menolak penindasan (zulm), gharar, dan maisir, sistem kewangan Islam menawarkan alternatif yang lebih beretika, telus, dan berorientasikan kesejahteraan bersama. Walaupun terdapat cabaran dalam mengekalkan daya saing pasaran berbanding perbankan konvensional, prinsip keadilan yang berpaksikan maqasid al-shari'ah membuktikan bahawa perbankan Islam bukan sahaja memenuhi tuntutan syariah tetapi juga memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap keberkesannya sebagai sistem kewangan kontemporari. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penerapan prinsip keadilan dalam kontrak muamalat Islam bukan sekadar memenuhi syarat hukum, bahkan menjadi asas kepada kestabilan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan pembangunan kewangan yang berteraskan nilai Islam.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Felda Global Ventures (FGV) atas pembiayaan biasiswa pengajian yang memungkinkan kajian ini diselesaikan. Setulus penghargaan turut ditujukan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Yusuf bin Haji Othman, atas bimbingan, nasihat, serta sokongan berterusan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan kajian ini.

References

- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Abdul Aziz Dahlan. (1996). *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abdullah, M., et al. (2022). Applicability of Maqasid al-Shariah towards home financing by Islamic banks among university staff in Malaysia. *Asian Academy of Management Journal*, 27(1).
- Ahmad Budiman. (2024). Ijtihad Maqashidi: Implementation in the Realm of Muamalat from the Perspective of Abdullah Bin Bayyah. *ICSIS Proceedings*, 1(1), 11-22.
- Ahmad ibn Hanbal. (1995). *Musnad Ahmad*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Akta Kontrak 1950 (Akta 136)*. Seksyen 10(1). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1993). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hakim, Muhammad bin Abdullah. (1990). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali R. Khadem. 2025. *Islamic Finance, Commercial Law, and Economic Justice: Apocalyptic Challenges to the Global Order*, 39 Emory Int'l L. Rev. 643.
- al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud bin Ahmad. (2000). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Khin, D. M., Al-Bugho, D. M., & Asy-Syarbini, A. (t.t). *Fiqh Al-Manhaji*. Damsyiq: Darul Qalam.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya. (1996). *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya. (2000). *Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Nuaimi, A. A. A., Alaryani, E. M., & Yaqubi, S. (2024). *Murabaha in Islamic finance: An in-depth review and analysis of recent contributions*. SSRN Electronic Journal. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4978528>
- al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asirah*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. (2006). *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad. (1997). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabari, Abu Jafar Muhammad bin Jarir. (2001). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhaili, Wahbah. (2002). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Vol. 4). Damascus: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaili, Wahbah. (2002). *Fiqh & Perundangan Islam* (Pent. Md. Akhir Haji Yaacob). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ardi, M. (2016). Asas-Asas Perjanjian (Akad), Hukum Kontrak Syariah dalam Penerapan Salam dan Istisna. *DIKTUM: Jurnal Syariah Dan Hukum*, 14(2), 265 - 279. <https://doi.org/10.35905/diktum.v14i2>.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni* (Vol. 4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Usmani, M. T. (2002). *An Introduction to Islamic Finance*. Karachi: Idaratul Ma'arif.

- Kamali, M. H. (2000). *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Analisis Dimensi Fiqh Dan Maqasid Al-Syariah*, April 2018
- Asnaini. (2022). Islamic Sosial Finance: Konsep Keadilan Sosial Dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Ilmiah Mizani: Wacana Hukum, Ekonomi Dan Keagamaan*. Indonesia: UIN Fatmawati Sukarno Bengkulu.
- Avdukic, A., & Asutay, M. (2024). Testing the Development Impact of Islamic Banking: Islamic Moral Economy Approach to Development. *Economic Systems*, May, 101229. <https://doi.org/10.1016/j.ecosys.2024.101229>
- Bank Negara Malaysia. (2023). *Financial Stability Review 2023*. Kuala Lumpur: BNM.
- Chapra, M. U. (2016). *Islam and the Economic Challenge*. Herndon: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2011). *Maqasid al-Shari'ah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility*. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25–45.
- Dusuki, A. W., & Abozaid, A. (2007). A critical appraisal on the challenges of realizing Maqasid al-Shariah in Islamic banking and finance. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 15(2), 143–165.
- Sungit, F., & Ahmad, K. A. (2018). Dilema Perbankan Dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh Dan Maqasid Al-Syariah: The Dilemma in Islamic Banking and Finance: Analysis from the Dimensions of Fiqh and Maqasid Al-Syariah. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 18–36.
- Harefa, S. (2025). The fundamental principles of Islamic law in the digital era: The ushul fiqh and maqashid Sharia approach. *International Journal of Halal Industry*, 1(1), 84-99. <https://doi.org/10.20885/JILDEB.vol1.iss1.art6>.
- Ibn al-Qayyim, M. A. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin* (Jil. 3, hlm. 11). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abū l-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar. 1999. *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Islamic Financial Services Board (IFSB). (2023). *Islamic Financial Services Industry Stability Report 2023*. Kuala Lumpur: IFSB.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Mahrus, K. H. A. K. (2013). *Metodologi Fiqh Muamalat*. Kudus: STAIN Kudus Press.
- Mohd Hafiz Haji Fauzi, *al-Muamalat*, VOLUME 03 KDN: PP 17034/10/2011(028879)
- Mohd Hafiz Hj. Fauzi & Mohd Fadhli Mohd Faudzi. (2011). *al-Muamalat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia.
- Mohd Yusof bin Abdul Rahman. (2016). *Perbankan Islam*, Edisi March 2016.
- Mustakim, M. (2018). Penerapan Nilai-Nilai Keadilan Dan Sosial Dalam Akad-Akad Bisnis Syariah. *Aktualita: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 8(2), 62-72.
- Muslim ibn al-Hajjaj. (2000). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Nazri, M. N. M., & Shari, W. (2025). Shariah non-compliance income (SNCI) in tawarruq home financing in Malaysia: An exploratory study. In *Islamic Financial Markets and Institutions* (pp. 73–97). Springer.
- Popon Srisusilawati & Nanik Eprianti. (2017). Penerapan Prinsip Keadilan Dalam Akad Mudharabah Di Lembaga Keuangan Syariah. *Jurnal Law and Justice*. Jakarta: Universiti Muhammadiyah Surakarta. <https://doi.org/10.23917/laj.v2i1.4333>

- Ridhwan, M., & Abdul Rahman, N. N. (2025). Research and publication trends on Shariah non-compliance risks and events (2010–2022). *Jurnal Muamalat Malaysia*, 15(1). <https://doi.org/10.53840/jmm.v15i1.186>
- Safagutan, F., Taufiq, A., & Darmawan, A. (2025). Problematics of murabaha agreement in Indonesian Islamic banking. *Velocity: Journal of Sharia Economics*.
- Tim Laskar Pelangi, Metodologi Fiqih Muamalat, Lirboyo Press, November 2013
- Usmani, M. T. (2002). *An Introduction to Islamic Finance*. Karachi: Idaratul Ma'arif.
- Abdul Muhaimin Mahmood. (2021, 9 Oktober). *Pembahagian Akad Mengikut Sifatnya*. e-muamalat.islam.gov.my.
- Abdul Muhaimin Mahmood, e-Muamalat/ 9okt 2022
https://www.bankrakyat.com.my/c/perniagaan/konsep_shariah_b/konsep_shariah-7/9okt2022